

BAB TIGA

AKTIVITI EKONOMI

3.0 Pengenalan

Masyarakat Orang Asli sering digambarkan sebagai masyarakat yang hidup secara 'primitif' dan bergantung hidup kepada hasil-hasil hutan semata-mata. Aktiviti ekonomi yang digambarkan, sekadar mencari keperluan hidup, dan sering berpidah randah. Gambaran masyarakat seumpama ini mewujudkan satu tanggapan buruk yang tidak sewajarnya berlaku.

Kepesatan perkembangan kegiatan ekonomi pasaran dan proses pembangunan yang berterusan telah merubah corak kegiatan ekonomi masyarakat Orang Asli. Aktiviti seperti pertanian pindah, semakin jarang dilakukan. Corak kegiatan ekonomi masyarakat Orang Asli kini tidak lagi sekadar memenuhi keperluan hidup semata-mata. Sebaliknya semakin ramai yang melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi berasaskan wang.

Aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli boleh dibezakan mengikut persekitaran tempat tinggal. Misalnya bagi penduduk di Langkap yang dikelilingi dengan kawasan hutan yang ditumbuhi dengan pokok-pokok buluh, menyebabkan mereka menjadikan aktiviti *berbuluh* sebagai sumber pendapatan utama.

Sementara bagi penduduk di Batu Tiga yang terletak berhampiran dengan kawasan bandar, menyebabkan lebih ramai penduduk yang terlibat dengan pelbagai kegiatan ekonomi moden.

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh kedua-dua kampung ini dibincangkan secara berasingan, untuk mengelakan berlakunya pertindanan. Kesemua aktiviti ini akan dibincangkan secara terperinci.

3.1 Aktiviti Ekonomi Penduduk di Langkap

Umumnya aktiviti ekonomi bagi penduduk di Kampung Langkap dibahagikan kepada dua bentuk utama. Pertama aktiviti yang bertujuan menghasilkan keperluan makanan keluarga dan yang kedua aktiviti yang dilakukan untuk mendapatkan wang atau ia diistilahkan sebagai 'simple commodity production' atau SCP (Gomes 1989). Aktiviti SCP yang dilakukan dengan tujuan untuk memperolehi wang dan seterusnya membeli keperluan yang tidak dapat dihasilkan oleh mereka.

Merujuk kepada aktiviti yang dilakukan bagi tujuan menghasilkan keperluan makanan, ia melibatkan aktiviti seperti memburu dan meramu hasil hutan, *berhubik*, *berkechok*, menangkap ikan, *berhumak*, dan *berapik*.

3.1.0 Memburu dan Meramu Hasil Hutan

Masyarakat Orang Asli dan aktiviti menburu sememangnya tidak dapat dipisahkan dan ia seolah-olah mempunyai pertalian yang sangat rapat. Hakikat ini lebih jelas dan ketara terutamanya di kalangan komuniti yang bergantung hidup kepada aktiviti ekonomi tradisi.

Disebabkan komuniti Jakun di Kampung Langkap masih bergantung kepada hasil buruan sebagai sebahagian dari sumber makanan mereka, maka aktiviti memburu begitu penting dan masih giat dijalankan. Aktiviti memburu dilakukan dengan menggunakan tiga cara, menyumpit, memasang jerat, dan menggunakan lembing. Di antara ketiga-tiga kaedah ini hanya kaedah kedua yang paling efektif sering diamalkan.

Jerat yang biasa digunakan tergolong dalam jenis *manipulated trap*. Ia menggunakan buluh, rotan, atau kayu dan menggunakan umpan untuk manarik perhatian binatang, dan apabila binatang menyetuh ia akan terperangkap. Perangkap jenis ini turut digunakan oleh masyarakat Bunus di Bengal, masyarakat di Polynesia, masyarakat di Indonesia, dan masyarakat di East Africa (Belshaw et.al. 1975).

Kaedah memasang jerat dikira lebih efektif disebabkan ia boleh dipasang dimerata-rata tempat dan dalam jumlah yang banyak, di samping tidak perlu menunggu jerat berkenaan.

Jerat yang dipasang akan disertakan dengan umpan, dan biasanya umpan yang digunakan sama ada ayam atau sejenis biawak yang dikenali dengan nama *geriang* di kalangan komuniti ini. Bagi jerat yang dipasang berhampiran dengan kawasan perkampungan ia tidak perlu diulang untuk melihat kerana *asok* atau anjing-anjing akan menjadi pengawas, dan ia akan memberi isyarat dengan menyalak apabila jerat telah mengena. Penduduk di sini amat mahir dengan bunyi salakan *asok*, mereka berupaya membezakan bunyi salakkan jerat yang telah mengena, salakkan memberitahu orang asing berkunjung atau salakkan orang yang dikenali¹.

Sekiranya salakkan yang menandakan jerat telah mengena mereka akan mencapai lembing dan menuju ke kawasan terbabit. Binatang tersebut biasanya akan dibunuh dengan menggunakan lembing yang di bawa, sebelum membawa pulang. Hasil buruan ini akan dibahagi-bahagikan mengikut tumpuk. Jumlah tumpuk dikira berdasarkan jumlah isi rumah yang ada di kampung ini.

Di antara binatang yang sering terkena jerat ialah babi, *bangkak* iaitu sejenis babi yang lebih besar juga dikenali sebagai *kakak babi*, biawak, musang, pelanduk, kancil, rusa, napoh, dan lain-lain.

¹. Pengkaji diberitahu oleh penduduk Langkap tentang salakan *asok* yang berbeza-beza ini.

Kaedah menyumpit juga tidak kurang pentingnya dan turut digunakan khususnya untuk memperolehi binatang yang hidup di tempat tinggi. Antara jenis binatang yang diperolehi dengan menggunakan sumpit seperti monyet, burung, nekah, dan lutong. Sama seperti masyarakat Orang Asli yang lain penduduk di kampung ini menggunakan getah pokok Ipoh sebagai racun untuk menyumpit.

Penggunaan lembing atau tombak kini semakin kurang popular dan dianggap kurang efektif. Menurut penduduk di sini, masalah ini timbul disebabkan kekurangan binatang buruan. Tidak seperti suatu masa dahulu binatang buruan mudah diperolehi dan kaedah ini sering digunakan.

Aktiviti meramu melibatkan kegiatan mengumpul hasil-hasil yang boleh didapati dari hutan. Antara hasil yang boleh diperolehi dari hutan seperti pucuk-pucuk hutan, buah-buahan, rebung dan ubi-ubi. Kini aktiviti meramu semakin jarang dilakukan kerana masing-masing cuba menanam sayur-sayuran di sekitar kawasan rumah, dan menanam pokok buah-buahan sendiri. Selain dari itu eksplotasi kawasan hutan juga turut mempengaruhi fenomena ini.

3.1.1 **Menanam Ubi Kayu**

Majoriti masyarakat Jakun bergantung kepada ubi kayu sebagai sumber makanan utama selain daripada beras (c.f

Carey 1979). Masyarakat Temiar juga bergantung kepada ubi kayu sebagai salah satu dari sumber makanan utama (Benjamin 1993). Komuniti Jakun khususnya di Kampung Langkap juga bergantung kepada ubi kayu sebagai sumber makanan utama mereka, oleh itu aktiviti *berhubik* begitu penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat ini. Bagi masyarakat Jakun *hubik* merujuk kepada ubi kayu dan *berhubik* dirujukan kepada aktiviti mencari dan mendapatkan ubi kayu.

Memandangkan *hubik* menjadi sumber makanan rujि penduduk di sini, maka sebahagian besar daripada masa diperuntukan untuk melakukan aktiviti *berhubik*. Kegiatan ini boleh dilakukan pada waktu pagi atau pada waktu petang. Namun kebiasaan mereka melakukan aktiviti ini pada waktu pagi antara jam 9.30 pagi - 11.00 pagi. Sementara disebelah petang kegiatan ini dilakukan di antara jam 3.00 petang - 4.00 petang. Terdapat dua kawasan khas yang telah diperuntukan oleh penduduk di Langkap untuk dijadikan kebun *hubik* mereka.

Dengan berbekalkan sebuah *lajut* yang disandang di atas bahu atau di atas kepala juga bersertakan sebilah *pisau*² yang berukuran kira-kira 1.5 kaki hingga 2 kaki panjangnya, para wanita akan berjalan secara berkumpulan

². Bagi komuniti ini 'pisau' merujuk kepada semua jenis peralatan besi yang digunakan untuk memotong, tidak kira kecil atau besar termasuk parang, golok, dan lading.

akan menuju ke kawasan kebun *hubik*. Kebiasaannya aktiviti ini dilakukan secara berkumpulan antara 2 - 8 orang (lihat gambar 1 dan 2).

Kedudukan kawasan kebun *hubik* ini agak jauh dari kawasan pertempatan mereka. Perjalanan mengambil masa kira-kira 20 - 25 minit untuk sampai ke kawasan berkenaan. Apabila sampai ke kawasan yang dituju, setiap orang akan menuju ke kawasan masing-masing. Kawasan yang dituju ditentukan berdasarkan usia dan kematangan pokok-pokok *hubik* berkenaan. Mereka amat mahir untuk menentukan kawasan dan pokok yang sesuai untuk dicabut. Dengan menggunakan belakang pisau, batang pokok berkenaan diketuk. Bunyi dan getaran yang dihasilkan kesan dari ketukan dapat menentukan usia dan kematangan pokok berkenaan. Dengan mengetuk dua atau tiga kali ketukan sahaja pokok-pokok berkenaan boleh dikenal pasti.

Pokok-pokok *hubik* yang cukup matang dan berisi dikenal pasti dan kemudian ia dipotong kira-kira 1.5 kaki dari akarnya. Sekali lagi pisau digunakan untuk menggali bahagian perdu pokok *hubik*. Kerja-kerja ini dilakukan dengan begitu pantas, kemudian lebih batang *hubik* tersebut akan ditarik ke atas dengan menggunakan kedua-dua belah tangan. Proses mencabut kelihatan begitu mudah kerana bahagian atas telah digali terlebih dahulu. Masa yang diambil untuk mencabut sebatang pokok *hubik* hanya kira-kira



Gambar 1 : Seorang Wanita Orang Asli Sedang Menggali Ubi Kayu.

Gambar 2 : Lajut Atau Bakul Yang Telah Siap Diisi Digalas Di Atas Kepala.



2 - 3 minit sahaja. Bahagian atas batang *hubik* yang dipotong tadi akan dimasukan semula ke dalam lubang bekas *hubik* digali dan lubang ini akan ditimbus. Ini bermakna sambil mencabut mereka melakukan proses menanam semula pokok-pokok berkenaan.

Perdu-perdu *hubik* yang telah siap dicabut akan dilonggokkan setempat, dan kemudian ia akan dipotong daripada bahagian perdunya. Bagi mengisi sebuah *lajut* atau bakul yang dibawa oleh golongan wanita ini kira-kira 5 - 8 batang pokok *hubik* diperlukan. Jumlah ini juga bergantung kepada usia dan kesuburan pokok-pokok *hubik* berkenaan.

Hubik yang telah siap dilonggokkan akan dikupas kulitnya sebelum disusun ke dalam bakul-bakul yang dibawa. Cara menyusun *hubik* perlu dilakukan dengan betul supaya ia tidak bertaburan semasa membawa pulang. Dengan menggunakan akar-akar mereka akan mengikat pada bahagian atas bakul. Setiap buah bakul yang dibawa boleh diisi antara 30 - 40 kg *hubik*.

Sesiapa yang meyelesaikan kerja penyusunan ke dalam *lajut* lebih awal daripada rakan-rakannya, akan membantu mereka yang belum menyelesaikan kerja-kerja tersebut. Setelah semua anggota kumpulan menyiapkan kerja masing-masing mereka akan berkumpul di satu tempat sebelum sama-sama berjalan pulang.

Kerja-kerja *berhubik* tidak mengambil masa yang panjang, ia hanya memerlukan kira-kira 20 - 30 minit sahaja. Tetapi disebabkan kedudukan kebun *hubik* yang agak jauh dari rumah, maka masa yang terbuang lebih lama untuk proses berjalan sahaja.

Untuk mengelak dan menampung beban berat ini, para wanita ini mengalas kepala mereka dengan sehelai kain batik sebelum meletakkan tali bakul berkenaan di atas kepala. Di samping itu cara berjalan dengan menundukan bahagian kepala dan meninggikan bahagian belakang juga dapat mengurangkan beban berat ini. Bahagian belakang dan pinggang dapat mengampu beban berat tersebut.

Disebabkan *hubik* menjadi sumber makanan utama, maka wujud kepelbagaian cara untuk memakan *hubik-hubik* berkenaan. Umumnya terdapat tiga jenis *hubik* yang dimakan oleh komuniti ini, ubi kayu, keledek, dan gadong. Manakala *hubik* atau ubi kayu dibahagikan kepada tiga jenis, *hubik ruti/nilan*, *hubik berangan*, *hubik jeru'u*. Terdapat tiga cara untuk memakan *hubik-hubik* ini, *hubik kacau*, *hubik bakar*, dan *hubik tingkoh*.

3.1.1.0 *Hubik Kacau*

Di antara ketiga-tiga cara *hubik* dimakan, *hubik kacau* merupakan cara yang paling digemari oleh komuniti ini

kerana ia bertindak sebagai makanan gantian kepada beras. Untuk menghasilkan *hubik kacau* prosesnya mengambil masa yang panjang.

Proses ini bermula dengan memasukkan *hubik* yang telah siap dikupas kulitnya ke dalam guni plastik. Guni-guni yang telah siap diisi akan direndamkan ke dalam sungai berhampiran dan diikat pada akar-akar kayu dengan menggunakan rotan untuk mengelakan daripada dihanyutkan oleh air. Setelah diremdam selama 5 - 7 hari *hubik-hubik* ini boleh diambil mengikut keperluan. *Hubik-hubik* ini akan dimasukan ke dalam bekas yang dipanggil *penejak*³ untuk tujuan mengeringkannya. *Hubik* dibiarkan di dalam *penejak* selama 1 - 2 hari dan di gantung supaya air mudah menitik keluar.


Ada ketika-ketika tertentu sekiranya *hubik* diperlukan dengan kadar segera tetapi ia belum sempat dikeringkan, maka *penejak* tersebut akan dikapit dengan sebatang kayu. Kayu panjang akan disendal pada mana-mana bahagian rumah yang kukuh, dan *penejak* akan diletakan ditengah-tengah kayu. Bahagian kayu di hujung sebelah lagi, akan dipijak untuk mempercepatkan proses pengeringan.

³. Bakul yang dianyam daripada tali plastik, saiznya garis pusat 'penejak' ini kira-kira cm. Pada bahagian mulut 'penejak' tali anyaman dibiarkan panjang menjurai kira-kira 20 cm. Tujuannya supaya apabila 'hubik' dimasukan ia dapat diikat dan proses mengeringkan 'hubik' akan lebih cepat.

Proses menghasilkan *hubik kacau* diteruskan dengan *mengarau*. *Mengarau* merupakan proses yang hampir sama dengan memarut, *mengarau* dilakukan untuk mengasingkan urat-urat kasar yang terdapat pada *hubik* di samping untuk menghaluskan *hubik* berkenaan. Proses ini dilakukan dengan bantuan alat yang dipanggil *karau*. *Karau* diperbuat daripada besi berlubang bulat dengan garis pusat lebih kurang 1/2 cm. *Hubik* yang telah dikeringkan akan dikarau di atas alat ini. Alat *pengarau* ini diperolehi daripada besi-besi buangan. Sebelum *pengarau* besi digunakan, rotan berduri digunakan sebagai alat *pengarau*. *Hubik* yang telah siap dikarau bentuknya hampir sama dengan kelapa parut.

Kebiasaannya setiap kali *hubik* dikacau, ia boleh menampung keperluan selama 2 - 3 hari. Jumlah setiap kali *hubik* dikacau kira-kira 3 - 4 kg, sekiranya sesbuah keluarga tersebut mempunyai bilangan anggota yang ramai, jumlah ini hanya mampu digunakan untuk keperluan selama 1 - 2 hari sahaja.

Proses ini diteruskan dengan mengoreng *hubik* ini di dalam kuali besar tanpa minyak (lihat gambar 3). Untuk menghasilkan *hubik kacau* yang baik dan sedap pengawalan api perlu dilakukan. Api tidak boleh terlalu kuat atau terlalu perlahan. Proses mengoreng ini mengambil masa kira-kira 35 - 45 minit.



Gambar 3 : Seorang Wanita Di Langkap Sedang Menggoreng *Hubik Kacau* Untuk Keluarganya.

Setelah siap proses menggoreng *hubik kacau* akan disimpan di dalam sebuah bekas plastik khas dan berpenutup. *Hubik* ini akan dimakan bersama-sama dengan lauk-pauk seperti daging dan ikan, juga dengan sayur-sayuran.

3.1.1.1 *Hubik Tingkoh*

Untuk menghasilkan *hubik tingkoh* prosesnya bermula dengan membuang kulit ubi dan membersihkannya. *Hubik* yang telah siap dibersih akan dijemur sehingga betul-betul kering selama beberapa hari. Setelah ia benar-benar kering *hubik* ini akan dibakar dengan menggunakan bara api. Untuk

menghasilkan *hubik tingkoh* yang sedap ia perlu dibakar di bawah bara api dan bukan di atas bara api. Caranya boleh dilakukan dengan menggali sedikit bahagian tengah bara api dan menimbuskan *hubik* tersebut di dalam abu.

Hubik tingkoh perlu diketukkan dengan pisau sebelum memakannya kerana ia agak keras. Biasanya ia dimakan ketika panas bersama air kopi.

3.1.1.2 *Hubik Rebus*

Proses untuk menghasilkan *hubik rebus* tidak memerlukan masa yang panjang. *Hubik* yang telah siap dibersihkan akan dipotong kecil, dan dimasukan ke dalam periuk bersama sedikit air dan garam lalu dijerang di atas api. Hanya *hubik nilan* atau *hubik ruti* sahaja yang sedap untuk direbus, kerana ianya lebih halus dan mudah empuk.

3.1.1.3 *Hubik Bakar*

Hubik bakar lebih cepat dan lebih mudah untuk dimasak berbanding dengan *hubik* lain. Sama ada dibuang kulit atau tidak, ia boleh dimasak dengan cara menimbus di bawah bara api. Prosesnya lebih kurang sama dengan membakar *hubik tingkoh*, perbezaanya hanya *hubik tingkoh* perlu dijemur terlebih dahulu. *Hubik bakar* sering dimasak ketika berhenti rehat semasa dalam satu-satu perjalanan.


3.1.2 *Berkechok*

Berkechok merujuk kepada aktiviti menangkap udang air tawar yang boleh didapati di sungai atau *caruk*⁴. Aktiviti berkecok biasanya dilakukan secara berkumpulan. Kumpulan ini terdiri daripada wanita dan kanak-kanak lelaki dan perempuan (lihat gambar 4 dan 5). Anak-anak kecil juga turut di bawa bersama dengan meletak bayi di dalam kain batik yang diselempang pada bahagian bahu. Kain ini akan disimpul sedikit di bahagian atas bahu supaya tidak terlalu panjang. Cara ini merupakan satu amalan yang dipraktikkan di kalangan komuniti Orang Asli.

Aktiviti *berkechok* ini biasanya dilakukan disebelah petang, setelah golongan wanita selesai menjalankan urusan rumah tangga. Dengan membawa sebuah *lajut*⁵, sebilah *pisau*, dan sebuah alat menangguk, mereka berkumpul dan berjalan dalam satu kumpulan menuju ke kawasan yang telah ditetapkan.

Kawasan *caruk* atau lebih dikenali dengan nama *anak air* di kalangan komuniti ini, merupakan kawasan yang paling

-
4. Merujuk kepada sungai kecil yang mengalir di tengah hutan. Aliran air 'caruk' biasanya perlahan dan keadannya cetek sahaja.
 5. Merupakan sebuah bakul kecil yang dianyam daripada mengkuang. Bahagian atas mulut lajut diikat dengan sejenis kulit kayu yang bertindak sebagai tangkai yang boleh disandang atau digalas.



Gambar 4 : Wanita Ini Sedang Melakukan Aktiviti Berkechok Sambil Dibantu Oleh Anak-Anaknya.

Gambar 5 : Wanita Ini Menggunakan Penangguk Yang Diperbuat Dari Kelambu Terpakai.



mudah untuk menangguk *kechok*. Keadaan *anak air* yang cetek menyebabkan daun-daun yang gugur ke dalam air terus terendam. Keadaan ini menyebabkan *kechok* dapat membiak dan terus hidup di bawah daun-daun ini.

Untuk menangkap *kechok* penangguk yang diperbuat daripada kelambu terpakai (lihat gambar 5) atau kain, dan bingkainya diperbuat dari rotan digunakan. Bingkai rotan yang dibentuk bulat, bertindak sebagai pemegang untuk menyodok ke bawah daun-daun yang terendam di dalam *anak air*.

Setiap anggota kumpulan boleh memperolehi lebih kurang 300gm - 500gm *kechok* setiap kali mereka menjalankan aktiviti ini. Namun jumlah ini juga bergantung kepada kawasan *anak air*. Sekiranya *anak air* tersebut jarang dikunjungi, jumlah *kechok* yang diperolehi akan lebih banyak, dan sekiranya *anak air* tersebut sering dikunjungi jumlah yang boleh diperolehi hanya segenggam-dua sahaja.

Tempoh masa yang diambil untuk melakukan aktiviti ini tidak menentu, ia bergantung kepada kehendak anggota kumpulan serta keadaan cuaca. Berkechok bukan merupakan aktiviti harian, sebaliknya ia merupakan aktiviti sampingan yang dilakukan 1 atau 2 kali seminggu.

3.1.3 Menangkap Ikan

Ikan merupakan sumber protein utama kepada semua masyarakat termasuk Orang Asli. Aktiviti menangkap ikan merupakan salah satu daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan khususnya oleh penduduk yang tinggal di kawasan perkampungan. Umumnya bagi komuniti Jakun di Kampung Langkap terdapat empat kaedah yang digunakan untuk menangkap ikan. Sama ada dengan cara memancing, menuba, memukat, atau menggunakan serapang.

3.1.3.0 Memancing

Memancing merupakan aktiviti yang paling kerap dilakukan oleh komuniti Jakun di Kampung Langkap. Memancing boleh dilakukan dengan dua cara. Pertama memasang umpan dan meninggalkan joran, dan kedua memasang umpan sambil menunggu joran. Cara memancing dilakukan bergantung kepada masa dan tempat. Cara yang pertama dilakukan ketika aktiviti lain dilakukan, seperti ketika menebang buluh atau ketika mencari kayu api. Sementara kaedah kedua dilakukan secara khusus tanpa melakukan aktiviti sampingan.

Megom juga merupakan salah satu daripada kaedah yang dilakukan untuk mendapatkan ikan. *Megom* juga merujuk kepada aktiviti memancing, tetapi bezanya ia dilakukan pada malam hari. Biasanya untuk aktiviti *megom* hanya melibatkan

pasangan suami isteri sahaja⁶.

3.1.3.1 Menuba

Salah satu daripada cara untuk mendapatkan ikan dengan cepat dan dalam kuantiti yang banyak, ialah dengan menuba. Walaupun hakikatnya aktiviti menuba meninggalkan implikasi buruk untuk jangka panjang, namun ia tetap dilakukan. Kaedah ini masih diamalkan di kalangan sesetengah masyarakat termasuk di Andamanesa, Kukis, dan Garosakhasis. Menurut Belshaw et. al (1975:35) aktiviti menuba merujuk kepada;

'Poisonous and narcotic plant are thrown into the head water of the stream and crushed by beating until sufficient juice extracted from those plants polluted the water and the stupefied fish float on the surface. Sometime instead of throwing plants their extracted juice is poured into the water. The stupefied fish are then collected against the erected dams and weirs or simply taken out by means of

⁶. Menurut maklumat yang diperolehi, waktu *megom* merupakan waktu yang paling sesuai untuk pasangan suami isteri mengeratkan perhubungan. Ketika inilah pasangan tersebut perluang berdua-duaan tanpa sebarang gangguan.

*net, basket, traps or by some other
ways...'*

Penduduk di Kampung Langkap turut melakukan kegiatan menuba dan ia sering dilakukan di dua kawasan utama. Pertama di kawasan *ibu aur* atau sungai besar, dan kedua di *anak aur* dan *kubang*⁷.

Aktiviti menuba di *ibu aur* dilakukan setahun sekali, dan sungai yang menjadi tumpuan ialah Sungai Aur. Sementara di *anak aur*, dan di *kubang* kegiatan ini lebih kerap dilakukan antara 2 - 3 kali sebulan mengikut giliran.

Ketibaan musim menuba boleh diibaratkan sebagai musim berpesta bagi penduduk di Langkap. Musim menuba dilakukan sekitar bulan Julai atau Ogos setiap tahun. Apabila air sungai menjadi kecil⁸ musim menuba dikira telah bermula.

Seminggu sebelum tibanya hari menuba penduduk kampung akan ditugaskan mencari akar tuba. Setiap hari satu kumpulan yang terdiri daripada lelaki akan ditugaskan mencari akar ini. Kumpulan ini ditugaskan secara bergilir untuk mengumpulkan akar-akar tuba. Akar tuba yang telah siap dipotong akan diikat dan disimpan ke dalam baku.

⁷. Merujuk kepada kawasan air bertakung seperti kolam, ia terdapat disekitar kawasan kampung dan di dalam hutan berdekatan.

⁸. Air sungai menjadi kering atau surut.

Jumlah akar tuba yang diperlukan untuk menuba *ibu aur* kira-kira 300 - 400 ikat akar tuba.

Perancangan untuk melakukan kegiatan menuba dilakukan secara teratur dan berjadual. Penduduk kampung dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama akan meninggalkan rumah bersama isteri dan anak-anak sehari sebelum hari menuba. Mereka biasanya bertolak pada lewat petang dengan membawa akar tuba dan bekalan makanan. Kumpulan ini akan berhenti rehat dan bermalam di kawasan yang telah ditentukan.

Tugas kumpulan pertama bermula pada malam harinya dengan mengetuk akar tuba yang dibawa dengan menggunakan sebatang kayu (lihat gambar 6). Tugas ini dilakukan beramai-ramai sambil berceloteh, dan sehingga lewat malam baru tugas ini selesai.

Kumpulan kedua tidak bermalam, sebaliknya mereka akan menyusul kumpulan pertama pada awal pagi lebih kurang jam 5.00 pagi. Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan lelaki. Ketibaan mereka akan disambut oleh kumpulan pertama, dan mereka ditugaskan membawa akar-akar tuba yang telah siap diketuk ke hulu sungai dengan menaiki sampan tebuk (lihat gambar 7). Sambil memerah akar-akar ini, salah seorang daripada anggota kumpulan akan membaca jampi bagi memastikan lebih banyak ikan diperolehi.



Gambar 6 : Seorang Lelaki Sedang Mengetuk Akar Tuba
Dengan Menggunakan Sebatang Kayu.

Gambar 7 : Akar Tuba Yang Telah Siap Diketuk Dimuatkan Ke
Dalam Sampan Tebuk Dan Dibawa Ke Hulu Sungai.



Sesetengah daripada anggota kumpulan kedua akan memasang jaring di bahagian hilir sungai bagi memastikan ikan-ikan yang terkena racun tuba tidak terlepas dibawa arus.

Kerja-kerja memerah akar tuba (lihat gambar 8) mengambil masa yang agak lama dan setelah selesai mereka akan menuju ke hilir dan berhenti di tempat persinggahan sementara untuk berehat. Masa yang diperlukan untuk memastikan ikan-ikan terkena racun tuba agak lama kira-kira dua jam atau lebih. Sekiranya air sungai tidak betul-betul surut, masa yang diperlukan lebih lama.



Gambar 8 : Lelaki Ini Sedang Memerah Akar-Akar Tuba Yang Telah Diketuk Sambil Membaca Jampi.

Kumpulan ketiga dan yang terakhir akan tiba kira-kira jam 8.30 - 9.00 pagi. Anggota kumpulan ketiga kebanyakannya terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak. Setelah menunggu kira-kira 30 minit kesemua anggota kumpulan mula mudik ke hulu untuk menangkap ikan-ikan yang telah mabuk⁹.

Kemeriahan suasana menuba jelas terasa dan tergambar diwajah setiap anggota kumpulan (lihat gambar 9). Masing-masing cuba memenuhi *lajut* yang disandang dan sekali-sekala mereka menggunakan *serapang*¹⁰ untuk menikam ikan-ikan yang terapung.

Proses menangkap dan proses memanggang ikan berlaku serentak. Ikan-ikan yang diperolehi akan disiang dan dipanggang dan direbus di tempat berehat dan juga di tebing sungai. Apabila ikan mula berkurangan masing-masing akan berhenti rehat dan makan. Ketika ini anggota kumpulan ketiga akan mengambil alih tugas memerah akar-akar tuba sekali lagi.

Proses memerah akar tuba dilakukan berulang-ulang kali dan kegiatan menuba ini hanya akan selesai pada lewat

⁹. Ikan yang terkena akar tuba akan timbul dipermukaan air dengan bahagian perut menghala ke atas.

¹⁰. Alat yang digunakan untuk menangkap ikan, yang diperbuat daripada buluh sepanjang 6 - 7 kaki dan 3 batang paku sepanjang 4 inci diasah tajam dan dibengkokkan di bahagian pangkalnya. Bahagian pangkal paku akan dimasukan ke dalam pangkal buluh dan diikat kemas.

petang. Sekembalinya ke kampung masing-masing akan mengagihkan ikan-ikan yang diperolehi kepada jiran tetangga, walaupun masing-masing turut serta dalam kumpulan menuba.



Gambar 9 : Seorang Gadis Jakun Menangkap Ikan Yang Terkena Tuba Dengan Menggunakan Penangguk.

3.1.3.2 Memukat

Memukat merupakan salah satu daripada teknik yang digunakan untuk menangkap ikan. Pukat atau jaring akan dipasang di kawasan *kubang*, *sungai*, dan *lombong*. Bagi komuniti Jakun di Kampung Langkap aktiviti memukat sering dilakukan pada waktu malam. Jaring-jaring yang siap dipasang akan dibiarkan semalamam dan keesokkan harinya pukat ini akan diangkat untuk mendapatkan ikan.


Adakalanya pukat-pukat yang dipasang tidak menghasilkan ikan sebaliknya ular sawa. Sekiranya ular yang diperolehi mereka dikira beruntung kerana untuk beberapa hari aktiviti mencari lauk tidak perlu dijalankan. Hasil tangkapan ini akan turut diagihkan kepada seluruh penduduk kampung mengikut kaedah tumpuk¹¹.

3.1.3.3 Serapang atau Serampang

Teknik menangkap ikan dengan menggunakan *serapang* memerlukan seseorang itu tajam penglihatan, dan pantas bertindak. Penggunaan alat ini membolehkan seseorang itu berada di dalam air atau di darat ketika menangkap ikan. Dengan hanya sekali hayunan pantas ikan yang berada di dalam air boleh terlekat pada mata *serapang*.

¹¹. Binatang buruan yang diperolehi akan dibahagi-bahagikan sama banyak mengikut jumlah rumah atau jumlah isirumah yang ada.

Serampang yang sering digunakan oleh komuniti Jakun hampir sama dengan yang digunakan oleh masyarakat Bunas di Bangladesh yang dikenali dengan nama *kole* (Belshaw et. al 1975). Sebelum teknologi besi digunakan dalam membuat serampang, mereka hanya menggunakan buluh runcing sebagai serampang (lihat gambar 10). Menurut penduduk tempatan penggunaan *serapang* untuk menangkap ikan semakin kurang efektif disebabkan masalah kekurangan ikan.



Gambar 10 : Seorang Lelaki Jakun Menggunakan Serampang Untuk Menangkap Ikan.

3.1.4 *Berapik*

Berapik merujuk kepada aktiviti mencari kayu api untuk dijadikan bahan bakar ketika memasak. Bagi penduduk Kampung Langkap aktiviti *berapik* tidak begitu sukar dilakukan memandangkan persekitaran tempat tinggal mereka yang berhampiran dengan hutan.

Aktiviti *berapik* biasanya dilakukan oleh golongan perempuan dan ditemani oleh suami mereka atau anak-anak. Ada kalanya sambil *berapik* si suami akan memancing ikan sementara menunggu si isteri menyiapkan kerjanya.

3.1.5 *Bercucuk Tanam*

Setiap isi rumah akan membentuk plot-plot ladang mereka sendiri bagi tujuan kegunaan keluarga dan untuk pewarisan. Pemilihan kawasan bercucuk tanam akan ditentukan sendiri oleh individu terbabit, sama ada berhampiran dengan kampung atau jauh dari kampung. Sebelum sesebuah kawasan dibuka kerja-kerja menebang pokok-pokok kayu dilakukan oleh ketua keluarga dan dibantu oleh anak-anak lelaki. Isteri dan anak-anak perempuan akan membantu semasa proses memerun dan menanam.

Kawasan ini biasanya ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan seperti durian, rambutan, nangka, cempedak, dan

petai. Namun ada juga di antara penduduk Kampung Langkap yang menanam getah. Walau bagaimanapun pokok-pokok getah ini masih belum mengeluarkan hasil.

3.1.6 *Berhumak*

Perkembangan ekonomi negara yang begitu pesat telah berupaya menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan. Namun masih terdapat sebilangan masyarakat Orang Asli yang masih mengamalkan pertanian *swidden*. Walau bagaimanapun kenyataan hanya boleh dirujuk kepada komuniti Orang Asli yang masih mengamalkan kegiatan ekonomi tradisi. Melalui aktiviti pertanian *swidden* mereka menghasilkan ubi kayu, jagong, keledek, cili, labu manis, mentimun ladang, dan kacang panjang.

Kawasan pertanian *swidden* ini lebih dikenali dengan *humak* di kalangan komuniti Jakun di Kampung Langkap. Walaupun hakikatnya mereka di kampung ini tidak lagi menanam padi huma. Menurut Pak Seman yang merupakan salah seorang daripada penduduk tertua di kampung ini menyatakan,


*'kamik sudah lamak hempak tanam
padik humak, sudah bilang tahun
kamik sudak hempah ada benihnya
lagik'.*

Atau dalam bahasa Melayunya;

Kami sudah lama tidak menanam padi huma, sudah banyak tahun... kami sudah tidak ada benihnya kagi.

Berhumak dimulakan dengan pemilihan kawasan yang sesuai dan ditentukan oleh bomoh atau batin. Setelah pemilihan dibuat golongan lelaki akan ditugaskan menebang pokok-pokok besar sehingga selesai. Selepas beberapa minggu dan pokok yang telah tumbang beransur kering, kerja-kerja memerun dilakukan secara bergotong-royong oleh penduduk kampung. Proses memerun mengambil masa yang agak panjang, walaupun lebih dari seminggu diperlukan asap masih kelihatan dan sekali sekala api akan kelihatan menjulang. Tanah akan dibiarkan selama beberapa minggu sebelum proses menanam dilakukan.

Penduduk kampung khususnya kaum wanita akan mengunjungi kampung-kampung berdekatan untuk mendapatkan benih. Apabila tiba hari menanam, golongan wanita dan kanak-kanak merupakan orang yang paling sibuk (lihat gambar 11 dan 12). Kerja-kerja menugal biasanya dilakukan oleh golongan wanita dan dibantu oleh kanak-kanak. Sementara golongan lelaki terlibat dengan kerja-kerja penyediaan tapak kawasan huma.



Gambar 11 : Wanita ini Sedang Menugal Sambil Dibantu oleh Rakannya.

Gambar 12 : Batang Ubi Kayu Dipotong Untuk Ditanam Di Kawasan Huma.



Biji-biji benih yang diperolehi dari kampung jiran akan direndam semalam sebelum ditanam. Setiap isi rumah berhak memilih kawasan masing-masing dan bebas menentukan keluasan kawasan yang ingin ditanami. Masing-masing akan mencari sebarang tanda yang boleh dijadikan sempadan *humak* sendiri.

3.1.7 *Berbuluh*

Jenis aktiviti yang kedua bercorak kegiatan ekonomi moden atau ekonomi wang. Tenaga kerja ditukarkan untuk melakukan pertukaran bagi mendapatkan wang. Hasil pendapatan yang diperolehi akan digunakan untuk membeli barang-barang dan keperluan yang tidak dapat dihasilkan oleh anggota komuniti. Bagi penduduk di Kampung Langkap wang digunakan untuk membeli barang-barang dan keperluan seperti susu, gula, garam, daun pucuk, tembakau, minyak tanah, dan sebagainya. Antara bentuk aktiviti ekonomi wang yang dilakukan seperti *berbuluh*, *berotan*, dan menanam tanaman komersial.


Berbuluh merupakan salah satu dari aktiviti utama penduduk di Kampung Langkap untuk mendapatkan wang. Didapati 90% daripada isi rumah di kampung ini terlibat dalam aktiviti *berbuluh*.

Berbuluh melibatkan kerja-kerja memotong buluh dari

rumpunnya dengan menggunakan sabit. Buluh-buluh yang telah ditebang akan dipotong sekali lagi dengan menggunakan gergaji. Ukuran standat yang telah ditetapkan oleh taukeh untuk setiap batang buluh ialah sepanjang 9 kaki (lihat gambar 13 dan 14). Buluh yang dipotong pada bahagian pangkal atau dibahagian hujungnya akan dibuang.



Gambar 13 : Buluh-Buluh Yang Telah Siap Dipotong
Dikumpulkan Sebelum Dimasukan Ke Dalam Lori.



Gambar 14 : Tiga Orang Lelaki Jakun Ini Sedang Berhenti Rehat Selepas Berbuluh.

Penduduk di Kampung Langkap melakukan aktiviti *berbuluh* dengan menggunakan dua kaedah. Pertama secara berkumpulan yang terdiri daripada 5 - 7 orang satu kumpulan, atau secara individu. Bagi mereka yang melakukan aktiviti ini secara individu mereka biasanya akan melibatkan anggota keluarga seperti isteri dan anak-anak.

Aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan didapati boleh mendatangkan hasil yang lebih banyak berbanding dengan yang dilakukan secara individu. Sila rujuk jadual 3.1 dan 3.2 untuk melihat perbezaan pendapatan di antara kedua-dua kaedah yang dilakukan.

Berkumpulan seramai 6 orang	
Jumlah buluh dipotong	200 - 300 batang sehari
Pendapatan sehari	RM40.00 - RM60
Pendapatan 10 hari	RM400.00 - RM600.00
Purata pendapatan indi. 10 hari	RM66.00 - RM100.00
Purata pendapatan indi. sebulan	RM132.00 - RM200.00

Jadual 3.1 : Jumlah Pendapatan Yang Diperolehi Hasil
Dari Kerja-kerja Berbuluh Secara
Berkumpulan.

Sumber : Berdasarkan Kajian.

Individu	
Jumlah buluh dipotong	20 - 30 batang sehari
Pendapatan sehari	RM4.00 - RM6.00
Pendapatan 10 hari	RM40.00 - RM60.00
Purata pendapatan indi. sebulan	RM80.00 - RM120.00

Jadual 3.2 : Jumlah Pendapatan Yang Diperolehi Hasil Dari
Kerja-Kerja Berbuluh Dalam Bentuk Individu.


Summber : Berdasarkan Kajian.

Penentuan tempat atau kawasan untuk ahli kumpulan
melakukan aktiviti berbuluh akan ditentukan oleh taukeh.
Taukeh yang membeli buluh dari penduduk di Langkap

datangnya dari Bandar Muadzam Shah dan Bukit Ibam. Tempat berbuluh ditentukan berdasarkan laluan yang boleh dimasuki oleh lori pengangkut buluh. Sekiranya kawasan *berbuluh* terletak jauh dari kawasan perkampungan maka anggota komuniti akan mendirikan pondok-pondok sementara di kawasan berhampiran tempat *berbuluh* (lihat gambar 15 dan 16). Pondok-pondok sementara ini akan dijadikan tempat beristirehat dan tempat bermalam.

Pondok-pondok sementara ini dibina dengan hanya satu ruang sahaja, ia dijadikan tempat memasak, makan, berehat, dan tempat tidur. Peralatan yang dibawa ke pondok-pondok ini juga amat terhad, dengan sebiji periuk, sebiji cerek, satu atau dua biji cawan, dan pinggan. Kedudukan pondok-pondok ini biasanya berhampiran dengan punca air dan berhampiran kawasan menebang buluh.

Berbuluh dan *bermalam* sering dilakukan di kalangan mereka yang berkerja secara individu. Tetapi mereka akan membawa bersama-sama anak-anak dan isteri untuk turut sama membantu. Anak-anak yang berusia antara 8 - 10 tahun akan ditugaskan menjaga adik, dan yang lebih besar akan ditugaskan mencuci dan memasak. Sementara isteri akan membantu suami menebang dan memotong buluh. Kebiasaanya tempoh bermalam di pondok-pondok sementara ini antara 4 - 5 malam, dan selepas itu mereka akan kembali ke kampung bagi tujuan berehat dan mendapatkan bekalan *hubik kacau*.



Gambar 15 : Sebuah Pondok Sementara Dilihat Dari Luar.

Gambar 16 : Pandangan Sebuah Pondok Sementara Dilihat Dari
Dalam.



3.1.8 *Berotan*

Aktiviti *berotan* atau mencari rotan bukan merupakan aktiviti utama penduduk di Langkap. Terdapat hanya satu kelamin yang melakukan aktiviti ini semasa kajian dilakukan. Walau bagaimanapun jumlah penduduk yang melakukan aktiviti ini berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.

Aktiviti *berotan* semakin jarang dilakukan disebabkan masalah kekurangan sumber kesan dari penebangan hutan secara berleluasa untuk projek-projek pembangunan. Suatu ketika dahulu aktiviti ini merupakan salah satu dari aktiviti utama penduduk Langkap. Kepupusan rotan terutamanya rotan bermutu seperti manau, di kawasan hutan sekitar perkampungan menyebabkan aktiviti ini jarang dilakukan.

Aktiviti *berotan* kini hanya dilakukan di luar kawasan perkampungan. Hanya bagi mereka yang rela meninggalkan kampung sahaja yang melakukan aktiviti ini. Mereka yang bergiat dalam aktiviti ini, akan membawa bersama-sama anak dan isteri. Mereka akan menyertai kumpulan *berotan* dari kampung-kampung lain, dan biasanya bilangan anggota kumpulan ini terdiri daripada 30 - 35 orang ahli. Penyertaan dalam kumpulan *berotan* ini akan dimaklumkan oleh taukeh beberapa hari sebelum bertolak. Sesiapa yang

berminat untuk menyertai kumpulan *berotan* ini akan dijemput oleh taukeh pada hari yang telah ditetapkan.

Berotan secara berkumpulan ini mengambil masa yang agak lama antara 3 - 6 bulan. Dalam tempoh ini pekerja akan ditempatkan di kongsi-kongsi atau pondok-pondok sementara. Bekalan makanan seperti beras, gula, tepung, kopi, teh, dan biskut akan dibekalkan oleh taukeh. Seminggu atau dua minggu sekali taukeh akan datang mengambil rotan-rotan yang telah siap diikat dan dikumpulkan.

Hasil jualan rotan ini akan dikira dan ditolak hutang membeli makanan atau ditolak wang pendahuluan yang dipinjam. Harga jualan rotan adalah tidak menentu, dan ia dinilai berdasarkan jenis, dan mutu rotan.

3.2 Aktiviti Ekonomi Penduduk batu Tiga

Di Kampung Batu Tiga bentuk kegiatan ekonominya jauh berbeza jika dibandingkan dengan Kampung Langkap. Aktiviti ekonomi bercorak tradisi khususnya yang bertujuan untuk menghasilkan tanaman makanan amat jarang dilakukan. Hanya terdapat satu keluarga yang masih mengekalkan satu kawasan yang ditanami dengan tanaman sampingan. Antara jenis tanaman yang ditanam ialah ubi kayu, tebu, keledek, dan sedikit sayuran.

Pergantungan komuniti Jakun di sini kepada kegiatan ekonomi pasaran begitu jelas. Tenaga kerja ditukar dengan wang untuk memperolehi keperluan sehari-hari untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Bentuk kegiatan atau pekerjaan ekonomi yang dilakukan tidak melibatkan penyertaan anggota keluarga akan menyumbang tenaga untuk sama-sama membantu. Anak dan isteri bukan lagi berfungsi sebagai sumber tenaga kerja dalam aktiviti ekonomi, malahan keperluan sara hidup ditanggung sepenuhnya oleh suami. Hasil pendapatan atau upah yang diperolehi digunakan bagi menyara keleuarga.

Aktiviti utama penduduk di Kampung Batu Tiga melibatkan pekerjaan seperti buruh bermusim, pekerja kilang, pekerja balak, nelayan, dan peniaga.

3.2.0 Pekerja Kilang

Penglibatan penduduk di Kampung Batu Tiga dengan pekerjaan jenis ini dipengaruhi oleh kepesatan perkembangan dan pembangunan kegiatan ekonomi pasaran. Kilang-kilang yang beroperasi disekitar Daerah Rompin menjadi tumpuan penduduk setempat. Antara kilang yang paling banyak dan menjadi tumpuan oleh komuniti Orang Asli di sini ialah

kilang baja, kilang rotan, kilang papan atau *sawming*¹², dan kilang belut. Kilang baja memproses ikan untuk dijadikan baja, kilang rotan yang memproses rotan mentah menjadi rotan masak dan siap untuk dibuat perabot, kilang papan memproses kayu menjadi papan lapis, dan kilang belut yang memroses belut untuk dijadikan makanan. Jumlah pendapatan yang diperolehi kira-kira RM200 - RM350 sebulan.

Salah seorang penduduk Kampung Batu Tiga yang berdarah campuran Orang Asli dan Cina telah berupaya membuka sebuah kilang rotan di sini. Operasi kilang ini membabitkan pembelian rotan-rotan mentah kemudian dibersihkan¹³, dan selepas itu dimasak. Walaupun kilang ini tidak terlalu besar namun ia mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

3.2.1 Nelayan

Kedudukan Kampung Batu Tiga yang berhampiran dengan laut dan sungai menjadikan aktiviti menangkap udang, ketam, dan ikan sebagai salah satu dari sumber ekonomi penduduk. Namun begitu kegiatan ini tidak menjadi kegiatan utama kerana ia tidak dapat dilakukan sepanjang tahun disebabkan

¹². Perkataan ini berasal dari perkataan Inggeris sawmill.

¹³. Cara membersih rotan ini merujuk kepada kerja-kerja membuang kulit liar rotan dengan menggunakan parang.

faktor cuaca dan musim menjadi penghalang utama. Pada musim Monsun Timur Laut bertiup, aktiviti ini terhenti kerana laut bergelora. Sementara faktor musim merujuk kepada tangkapan seperti udang galah dan ketam yang hanya boleh ditangkap dengan banyak pada musim-musim tertentu sahaja.

Bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti ini berupaya memperolehi purata pendapatan yang agak lumayan antara RM20 - RM30 sehari. Memandangkan faktor cuaca dan musim yang tidak menentu menyebabkan sumber pendapatan tidak menentu dan turut terjejas.

3.2.2 Buruh Bermusim

Sesetengah aktiviti ekonomi menawarkan peluang-peluang pekerjaan mengikut musim contohnya dalam bidang pertanian dan perusahaan. Keperluan tenaga buruh dalam sesetengah aktiviti ini berdasarkan kepada keperluan. Dari sini wujud peluang-peluang pekerjaan bermusim.

Penanam tembikai contohnya, memerlukan tenaga buruh yang ramai khususnya pada musim pokok-pokok tembikai berbunga. Bunga-bunga ini perlu melalui proses pendebungaan pindah secara manual bagi menghasilkan pengeluaran yang bermutu tinggi. Oleh itu pada musim tembikai berbunga keperluan tenaga buruh menjadi semakin tinggi untuk melakukan kerja-kerja mengahwinkan bunga-bunga tembikai.

Di kalangan penduduk Batu Tiga aktiviti ini lebih dikenali dengan *kawin nikai*. Pendapatan yang diperolehi melalui kerja *kawin nikai* antara RM4.00 - RM8.00 sehari. Pendapatan ini bergantung kepada umur pekerja. Bagi mereka yang dikira kurang produktif seperti kanak-kanak dan orang-orang tua pendapatan mereka kira-kira RM4.00 sehari. Sementara bagi meraka yang produktif pendapatan ini lebih tinggi, dan boleh mencapai RM10.00 sehari.

Aktiviti penanaman sayuran untuk tujuan eksport ke Singapura yang dilakukan oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Batu Lapan, turut penawarkan peluang pekerjaan secara bermusim kepada penduduk di Kampung Batu Tiga. Pekerjaan bermusim yang ditawarkan meliputi aktiviti merumput, meracun, dan memetik hasil.

Selain dari bidang pertanian, bidang perusahaan turut menyediakan peluang pekerjaan secara bermusim. Pada musim ikan bilis ditangkap penduduk sekitar boleh memperolehi pendapatan sampingan. Pada masa ini kegiatan perusahaan secara kecil-kecilan menghasilkan ikan bilis oleh penduduk sekitar Daerah Rompin memerlukan tenaga kerja untuk kerja-kerja membersih dan mengopek ikan bilis.

Terdapat juga peluang pekerjaan sambilan yang ditawarkan oleh sebuah pusat peranginan berdekatan khususnya untuk membersihkan padang Golf. Pekerjaan ini

memerlukan mereka yang terlibat mencabut tanaman yang merosakan padang ini. Jumlah pendapatan yang diperolehi kira-kira RM200 - RM250 sebulan.

Terdapat juga pekerjaan sampingan seperti membersihkan rotan dilakukan oleh penduduk kampung. Pekerjaan ini dilakukan oleh suri rumah dan golongan tua. Upah yang dibayar antara 8 - 10 sen sebatang, pendapatan yang diperolehi bergantung kepada jumlah yang mampu dibersihkan.

Pekerjaan bermusim telah berupaya memberi peluang untuk mendapatkan pendapatan sampingan khususnya bagi wanita, kanak-kanak, dan lelaki dewasa yang tidak melakukan pekerjaan tetap. Peluang-peluang pekerjaan ini begitu menarik perhatian penduduk disebabkan insentif yang diberikan oleh taukeh dengan menyediakan pengangkutan pergi dan balik. Bentuk upah yang diperolehi akan dibayar secara harian, hanya bagi pekerjaan 'merumput' atau membersihkan padang Golf sahaja yang menerima gaji secara bulanan.

3.2.3 Pembalakan

Kekayaan Negeri Pahang dengan hasil kayu balaknya turut menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada semua golongan masyarakat termasuk Orang Asli. Penglibatan Orang Asli dalam bidang pembalakan bukan merupakan satu perkara baru. Fenomena ini telah berlaku semenjak sekian lama dan

menjanjikan pendapatan yang lumayan. Walau bagaimanapun tidak semua yang berjaya memperolehi peluang pekerjaan ini.

Penduduk Kampung Batu Tiga juga turut terlibat dalam aktiviti ini. Penglibatan mereka meliputi kerja-kerja perkeranian, pengendalian jentera, dan menebang. Hasil pendapatan yang diperolehi menerusi aktiviti pembalakan sememangnya lumayan, dan boleh mencapai angka RM1500.00 - RM3000.00 sebulan (Wan Zawawi 1993). Tetapi melangnya pekerjaan ini hanya bersifat sementara dan memerlukan mereka berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan pembalakan yang baru.

3.2.4 Berniaga

Kecenderungan komuniti Jakun di Kampung Batu Tiga bergiat dalam bidang perniagaan tidak harus dipandang remeh. Mereka yang mempunyai kesedaran dan berminat telah melibatkan diri dalam bidang ini. Penglibatan yang dilihat paling berjaya dalam bidang ini berdasarkan kepada kejayaan salah seorang daripada penduduk di sini yang telah berjaya mengusahakan sebuah *nursery* yang menjual benih pokok-pokok bunga dan pokok-pokok buah-buahan. Usahan ini dilakukan oleh seorang penduduk yang berketurunan *peranakan campuran* Orang Asli dan Cina.

Selain daripada itu terdapat seorang lagi penduduk

setempat yang berjaya membuka gerai makan di kampung ini. Pembinaan gerai ini masih berada diperingkat awal, oleh itu adalah terlalu awal untuk menilai kejayaannya. Namun kecenderungan yang ditunjukan memperlihatkan kepada kita usaha turut dilakukan untuk memajukan diri dan juga masyarakat.